

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN/BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [JOHOR BAHRU]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-

- (a) statistik peminjam dana usahawan kali pertama yang diluluskan setiap tahun bagi tempoh 2013-2019; dan
- (b) corak atau trend peminjam kali pertama yang terdiri daripada golongan belia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi-agensinya seperti TEKUN Nasional, SME Bank dan SME Corp menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan pinjaman kepada usahawan kali pertama.
2. Misalnya di TEKUN Nasional, nilai pembiayaan adalah di antara RM1,000 sehingga RM100,000 bagi tempoh pembiayaan dari 6 bulan sehingga 10 tahun.
3. Pembiayaan ini meliputi pelbagai sektor seperti peruncitan, pembuatan, pemborongan, pertanian dan sebagainya kepada golongan sasar termasuk belia.

4. Bagi tempoh 2013 sehingga Oktober 2019, MED melalui TEKUN Nasional telah membiayai seramai 201,005 usahawan peminjam pertama dengan nilai pembiayaan berjumlah RM1.9 bilion seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN PEMINJAM</b>	<b>NILAI PEMBIAYAAN (RM)</b>
2013	41,679	319,810,000
2014	25,163	173,970,750
2015	32,883	314,382,832
2016	42,141	491,356,000
2017	21,752	248,931,500
2018	20,134	224,522,500
2019 (Januari -Oktober)	17,253	206,326,900
<b>JUMLAH</b>	<b>201,005</b>	<b>1,979,300,482</b>

5. Daripada jumlah tersebut, seramai 127,240 usahawan peminjam pertama kali adalah terdiri daripada golongan belia dengan nilai pembiayaan berjumlah RM1.2 bilion seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN PEMINJAM BELIA</b>	<b>NILAI PEMBIAYAAN (RM)</b>
2013	25,044	188,978,100
2014	15,444	109,979,050
2015	20,141	187,866,532
2016	26,940	299,496,500
2017	14,217	152,518,000
2018	13,659	147,219,000
2019 (Januari -Oktober)	11,795	131,880,900
<b>JUMLAH</b>	<b>127,240</b>	<b>1,217,938,082</b>

6. Selain itu, SME Bank juga menawarkan pelbagai bentuk pembiayaan dana dan program kepada usahawan kali pertama merangkumi pelbagai kaum dan umur termasuk golongan belia.

7. Bermula tahun 2013 sehingga 2018, hampir RM30.9 bilion pembiayaan telah diluluskan oleh SME Bank kepada 17,006 usahawan kali pertama dengan purata kelulusan pembiayaan bernilai RM2.6 bilion setahun di bawah program-program seperti Program Pembiayaan Premis Perniagaan (i-P), Program *Business Accelerator* (BAP), Program *MYSMELady* dan sebagainya.

8. SME Corporation juga menyediakan dana bagi usahawan belia melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) untuk memulakan perniagaan menerusi bantuan bersepadu. Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2014, sehingga kini seramai 4,422 orang belia Bumiputera telah dilatih dengan 4,381 orang daripada mereka telah mendaftarkan dan memulakan operasi perniagaan.

Sekian, terima kasih.